

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk memahami dengan lebih jelas pandangan para sarjana awal Islam dalam bidang ekonomi pertanian. Tokoh-tokoh tersebut ialah Mālik bin Anas, Al-Dusūqī, Abū Ḥanīfah, Abū Yūsuf, Ibn ʿĀbidīn, Al-Zailaʿī, Al-Kāsānī, Al-Syafiʿī, Al-Khaṭīb Al-Syarbīnī, Al-Māwardī, Aḥmad bin Ḥanbal, Al-Bahūtī, Ibn Qudāmah dan Abū ʿUbayd.

Tumpuan kajian ini ialah pemilikan dan pembangunan tanah, upah buruh dan penyewaan tanah pertanian, zakat pertanian dan sekuriti makanan. Kajian ini juga cuba menilai aplikasi amalan-amalan ini dalam masyarakat petani khususnya pembayar zakat padi di Malaysia.

Satu kajian kes melibatkan 403 orang responden menggunakan soal selidik telah dijalankan di kawasan Tanjung Karang dan Sabak Bernam bagi melihat amalan pembayaran zakat di kalangan pesawah padi.

Hasil kajian menunjukkan bahawa pemilikan tanah oleh para responden adalah menerusi pusaka, pembelian dan penerokaan. Dari segi penyewaan tanah pertanian pula, petani menyewa tanah dengan cara pawah sawah dengan bayaran hasil padi dibahagi dua dan juga penyewaan secara bayaran tunai pada kadar-kadar yang tertentu. Tahap kepatuhan responden terhadap kewajipan pembayaran zakat padi adalah tinggi kerana semua petani yang mempunyai hasil padi yang cukup nisab membayar zakat padi.

Kesedaran terhadap sekuriti makanan merangkumi keperluan makanan untuk keluarga dan juga bantuan makanan kepada orang fakir dan miskin. Ini diperoleh melalui mekanisme seperti pengeluaran zakat fitrah, sedekah sunat, aqiqah, korban, membayar dam, membayar *fidyah* dan menjamu makanan kepada orang miskin.

## ABSTRACT

This research attempts to understand the opinions of early Islamic scholars in terms of agricultural economics. They are Mālik bin Anas, Al-Dusūqī, Abū Ḥanīfah, Abū Yūsuf, Ibn ʿĀbidīn, Al-Zailaʿī, Al-Kāsānī, Al-Syafīʿī, Al-Khaṭīb Al-Syarbīnī, Al-Māwardī, Aḥmad bin Ḥanbal, Al-Bahūtī, Ibn Qudāmah dan Abū ʿUbayd.

The focus is on issues such as on land tenure, land development, agricultural labour, sharecropping, land rent, agricultural zakah and food security. This research also analyzes the application of these concept among the paddy zakah payers in Malaysia.

A sample survey on 403 respondents using a set of questionnaires was conducted at Tanjung Karang and Sabak Bernam aimed at analyzing the normal practice of zakah payers among farmers.

The research shows that the peasants acquired their agricultural lands by inheritance, through purchase. The paddy farmers practised sharecropping through payments in kind (50%:50%) or in cash. They also rented their land holding through payments in kind or in cash.

A maximum level of obligation to the payment of zakah was adhered as all respondents with paddy harvest that reached the *niṣāb* fulfilled their duty.

The awareness on food security includes fulfilling food requirement for their family and food support for the poor. This was achieved through several mechanisms such as payment *zakah fitr*, *sadaqah*, *ʿaqīqah*, *qurban*, paying *dam* (penalty), *fiḍyah* (expiation) and feeding the poor and needy.